



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF TERENGGANU DARUL IMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 64  
No. 24

13hb Oktober 2011

TAMBAHAN NO. 6  
PERUNDANGAN

Tr. P.U. 7

**PEMASYHURAN  
UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU  
(BAB YANG KEDUA)  
(Fasal 2)**

Mohor Negeri

Sultan Terengganu

Dengan nama ALLAH SUBHANAHU WA TA'ALA, Yang Maha Pemurah, Lagi Maha Mengasihani, Segala Pujian bagi ALLAH SUBHANAHU WA TA'ALA, Tuhan Seru Sekalian Alam, Rahmat dan Kesejahteraan ALLAH SUBHANAHU WA TA'ALA ke atas Penghulu Kami NABI MUHAMMAD SOLLALLAHU ALAIHI WASSALAM, Keluarga dan Sahabatnya.

DENGAN LIMPAH KURNIA ALLAH, BETA AL-WATHIQU BILLAH SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN, Darjah Utama Kerabat Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.T), Darjah Kerabat DiRaja Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.R), Darjah Yang Maha Utama Kerabat DiRaja Malaysia (D.K.M.), Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.), Darjah Seri Utama Sultan Mizan Zainal Abidin Terengganu Yang Amat Terpilih (S.U.M.Z.), Darjah Seri Setia Sultan Mahmud Terengganu Yang Amat Terpuji (S.S.M.T.), Darjah Seri Paduka Mahkota

Terengganu Yang Amat Dihormati (S.P.M.T.), Darjah Kerabat Baginda Syed Putra Perlis (D.K. [Perlis]), Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati (D.K. [Johor]), Darjah Kerabat Mahkota Brunei (D.K.M.B. [Brunei]), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Perak (D.K.[Perak]), Darjah Kerabat Negeri Sembilan Yang Amat Dihormati (D.K.[Negeri Sembilan]), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Kedah (D.K.[Kedah]), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Kelantan (D.K. [Kelantan]), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Selangor (D.K. [Selangor]), Darjah Seri Paduka Mahkota Johor (S.P.M.J), **IBNI ALMARHUM SULTAN MAHMUD AL-MUKTAFI BILLAH SHAH**, Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi Negeri Terengganu Darul Iman serta segala Jajahan takluknya:

BAHAWASANYA menurut Fasal 2 Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Kedua) adalah diperuntukkan bahawa BETA boleh meminda antara lain, ganti menaiki takhta dan kedudukan pangkat-pangkat kebesaran mengikut adat Melayu; pelantikan dan segala yang berkenaan dengan seorang bakal Raja atau bakal-bakal Raja yang akan menaiki takhta, isteri Raja atau Pemangku Raja atau ahli-ahli Majlis Pemangku Raja Negeri ini; dan pelantikan dan segala yang berkenaan dengan pangkat-pangkat kebesaran dan segala yang berkenaan dengan pangkat-pangkat kebesaran mengikut adat Melayu, Dewan Pangkuan DiRaja dan Ahli-ahli Majlis Agama dan Adat Melayu atau badan-badan yang serupa itu, melalui Pemasyhuran yang dikeluarkan setelah berunding dengan Dewan Pangkuan DiRaja:

DAN BAHAWASANYA, BETA fikirkan sekarang ini patut diisytiharkan dan diperintahkan suatu pindaan kepada beberapa peruntukan Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Kedua).

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, SEKARANG BETA dengan hak-hak dan kuatkuasa kelebihan BETA sebagai Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi Negeri Terengganu Darul Iman selepas berunding dengan Dewan Pangkuan DiRaja, DENGAN INI MENGISYTIHARKAN DAN MEMERINTAHKAN dengan nama BETA, dan bagi pihak BETA seperti yang tersebut di bawah ini:

#### **Nama dan Permulaan Kuatkuasa**

1. Pemasyhuran ini bolehlah dinamakan Pemasyhuran Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu (Bab Yang Kedua) (Pindaan) 2011 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 10 April 2011.

#### **Pindaan Fasal 3**

2. Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu (Bab Yang Kedua), yang disebut 'Undang-Undang ibu' dalam Pemasyhuran ini, adalah dipinda dengan menggantikan perkataan '*the Supporters of the State*' dalam Fasal 3 syarat (1) perenggan (vi) dengan perkataan '*Council of the Terengganu Royal Court*':

**Pemotongan Fasal 12A**

3. Fasal 12A Undang-Undang itu adalah dipotong.

**Pindaan Fasal 16**

4. Fasal 16 Undang-Undang itu adalah dengan memotong perkataan '12A(2)'.

**Pindaan Fasal 16A**

5. Fasal 16A Undang-Undang itu adalah dipinda—

- (a) dalam Syarat (1), dengan memotong perenggan (d);
- (b) dalam Syarat (4), dengan memotong perkataan 'atau sekiranya Baginda terhenti menjalankan kewajipan-kewajipan Sultan oleh sebab Syarat (1) Fasal 12A Undang-Undang ini', dan
- (c) dalam Syarat (5), dengan memotong perkataan 'atau apabila terhenti hal keadaan yang disebut dalam Syarat (1) Fasal 12A Undang-Undang ini'.

**Pindaan Fasal 19**

6. Fasal 19 Undang-Undang itu adalah dipinda—

- (a) dalam Syarat (1), dengan menggantikan perkataan '*the Supporters of the State*' dengan perkataan '*the Council of the Terengganu Royal Court*'; dan
- (b) dengan menggantikan Syarat (2) dengan yang berikut:  
'(2) Dewan Pangkuan DiRaja Terengganu hendaklah terdiri daripada ahli yang berikut:
  - (a) Waris Ganti yang dilantik di bawah perenggan (a) Syarat (1) Fasal 17 yang juga hendaklah menjadi Yang di-Pertua;
  - (b) seorang Timbalan Yang di-Pertua daripada bangsa Melayu dan beragama Islam; dan
  - (c) sebelas orang lagi daripada bangsa Melayu dan beragama Islam.'

**Pindaan Fasal 23A**

7. Undang-Undang itu adalah dipinda dengan menggantikan Fasal 23A dengan yang berikut:

- '23A. (1) Sultan hendaklah melantik salah seorang ahli Dewan Pangkuan DiRaja Terengganu sebagai Setiausaha Dewan Pangkuan DiRaja Terengganu sebagai Setiausaha Dewan Pangkuan DiRaja Terengganu bagi tempoh yang akan ditetapkan oleh Baginda.

(2) Setiusaha Dewan Pangkuan DiRaja Terengganu hendaklah pada setiap masa tertakluk kepada titah dan perkenan yang dikeluarkan oleh Sultan 'dan hendaklah juga sentiasa menjalankan kewajipan yang telah dicatatkan di dalam setiap minit mesyuarat yang telah diluluskan oleh Dewan'.

**Pindaan Fasal 23B**

8. Fasal 23B Undang-Undang ibu adalah dipinda dengan menggantikan Syarat (1) dengan yang berikut:

'(1) Mesyuarat Dewan Pangkuan DiRaja Terengganu hendaklah dipengerusikan oleh Sultan dan semasa ketiadaan Baginda, oleh Yang di-Pertua dan semasa ketiadaan Yang di-Pertua, oleh Timbalan Yang di-Pertua dan semasa Sultan atau Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua tidak boleh mempengerusikan mesyuarat, Sultan boleh melantik mana-mana seorang ahli Dewan pangkuan Diraja Terengganu untuk mempengeruskannya dan jika pelantikan sedemikian tidak dibuat ahli-ahli hendaklah memilih salah seorang daripada kalangan mereka untuk mempengeruskannya.

Dengan syarat bahawa jika urusan Dewan Pangkuan DiRaja Terengganu adalah berkenaan pemilihan dan pelantikan Sultan, Waris Ganti tidak boleh hadir dan menjadi pengerusi'.

**Fasal Baru 23BA dan 23BB**

9. Undang-Undang ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas Fasal 23B Fasal-Fasal baru yang berikut:

**'Sultan boleh bertindak bertentangan**

23BA. Sultan boleh secara muktamad bertindak bertentangan dengan nasihat atau pendapat yang telah diberikan kepada Baginda oleh ahli Dewan Pangkuan DiRaja Terengganu jika, dalam apa-apa hal, tindakan itu pada pendapat Baginda adalah betul dan dalam keadaan sedemikian, mana-mana ahli Dewan Pangkuan DiRaja Terengganu berhak menghendaki supaya direkodkan dalam minit mesyuarat apa-apa nasihat atau pendapat yang mungkin telah diberikan oleh beliau dan alasan bagi nasihat atau pendapat itu.

**Minit mesyuarat**

23BB. (1) Setiausaha hendaklah menyimpan minit dan rekod bagi semua prosiding Dewan Pangkuan DiRaja Terengganu dengan selamat.

(2) Pada tiap-tiap mesyuarat Dewan Pangkuan DiRaja, minit mesyuarat yang sebelumnya hendaklah disahkan dengan atau tanpa pindaan mengikut kehendak keadaan sebelum apa-apa urusan lain diselesaikan.

(3) Jika suatu mesyuarat Dewan Pangkuan DiRaja adalah dipengerusikan selain daripada Sultan—

(a) Setiausaha Dewan atau ahli Dewan yang mempengerusikan mesyuarat hendaklah dalam tempoh yang munasabah menyembahkan minit mesyuarat kepada Sultan; dan

(b) tiada keputusan yang direkodkan di dalam minit mesyuarat itu boleh diambil tindakan melainkan Sultan telah memberi perkenan Baginda secara bertulis dengan syarat perkenan Baginda tidak diperlukan sekiranya keputusan itu adalah berkaitan dengan perkara-perkara yang diperuntukan di dalam Fasal 6 Undang-Undang ini.'

Mudah-mudahan ALLAH SUBHANAHU WA TA'ALA segala Pujian adalah bagi-Nya dan bagi-Nya nama yang Maha Mulia dan Maha Tinggi, Raja bagi sekalian Raja, mencucuri Kurnia-Nya dan mudah-mudahan Nabi Muhammad (segala rahmat dan kesejahteraan ALLAH SUBHANAHU WA TA'ALA ke atasnya) memberkati akan Pemasyhuran Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Kedua) (Pindaan) 2011 ini selama-lamanya.

Amin, Ya Rabbal Alamin, Tuhan Seru Sekalian Alam.

DIPERBUAT di Istana BETA, Istana Badariah, Kuala Terengganu pada Enam haribulan Jamadil Awal Tahun Hijrah Seribu Empat Ratus Tiga Puluh Dua (1432) bersamaan dengan Sepuluh haribulan April Tahun Dua Ribu Sebelas (2011).

Dengan Titah Perintah,

DATO' KAMAL WANGSA  
Setiausaha  
Dewan Pangkuan Diraja  
Terengganu

فمشهورن  
اوندغ ۲ بائي ديوي كراجان ترغكانو  
(باب يشكدوا)  
(فصل 2)

سلطان ترغكانو

موهور نكري

دغن نام الله سبحانه وتعالى، يغمها فموره، لائي مها مغاسيهني، سكالافوجين بائي الله سبحانه وتعالى، توهن سرو سكلين عالم، رحمة دان كسجهتراءن الله سبحانه وتعالى كاتس قهولو كامي نبي محمد صلى الله عليه وسلم، كلوارك دان صحابهث.

دغن ليمفه كورنيا الله، بيت الواثق بالله سلطان ميزان زين العابدين، درجه اوتام قرابة ترغكانو يغامت مليا (D.K.T.)، درجه قرابة دراج ترغكانو يغامت مليا (D.K.R.)، درجه يغمها اوتام قرابة دراج مليسيا (D.K.M.)، درجه اوتام سري مهكوتا نكارا (D.M.N) درجه سري اوتام سلطان ميزان زين العابدين ترغكانو يغامت ترقيليه (S.U.M.Z.)، درجه سري ستيا سلطان محمود ترغكانو يغامت تر فوجي (S.S.M.T.)

امين، يا رب العالمين، توهن سرو سكلين عالم.

- دفرېوات داستان بيت، استان بدرية كوالا ترغكانو قد انم هاريبولن جمادالاول تاهون  
 هجره سريو امقت راتوس تيگ فولوه دوا (1432) برسامان دغن سفولوه هاريبولن  
 افريل تاهون دوا ريو سبلس (2011).

دغن تينه فرينته

(داتوه كامل وغسا)

ستياء وسها

ديوان فغكانون دراج

ترغكانو

**PROCLAMATION  
 THE LAWS OF THE CONSTITUTION OF TERENGGANU  
 (SECOND PART)  
 (Article II)**

State Seal

Sultan of Terengganu

In the name of ALLAH, the Compassionate, the most Merciful, PRAISE be to ALLAH, the Lord of the Universe, and may the Benediction and peace of Allah be upon OUR Prophet Muhammad and upon all his Relations and upon all his Relations and Friends.

By **HIS ROYAL HIGHNESS AL-WATHIQU BILLAH SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN**, Darjah Utama Kerabat Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.T), Darjah Kerabat DiRaja Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.R.), Darjah Yang Maha Utama Kerabat DiRaja Malaysia (D.K.M.), Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.), Darjah Seri Utama Sultan Mizan Zainal Abidin Terengganu Yang Amat Terpilih (S.U.M.Z.), Darjah Seri Setia Sultan Mahmud Terengganu Yang Amat Terpuji (S.S.M.T), Darjah Seri Paduka Mahkota Terengganu Yang Amat Dihormati (S.P.M.T.), Darjah Kerabat Baginda Syed Putra Perlis (D.K. [Perlis]), Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati (D.K. [Johor]), Darjah Kerabat Mahkota Brunei (D.K.M.B.[Brunei]), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Perak (D.K.

[Perak]), Darjah Kerabat Negeri Sembilan Yang Amat Dihormati (D.K. [Negeri Sembilan]), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Kedah (D.K. [Kedah]), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Kelantan (D.K. [Kelantan]), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Selangor (D.K. [Selangor]), Darjah Seri Paduka Mahkota Johor (S.P.M.J.), **IBNI ALMARHUM SULTAN MAHMUD AL-MUKTAFI BILLAH SHAH**, Sultan and Territory of Terengganu Darul Iman and its Dependencies.

WHEREAS by clause (2) of Article II of the Laws of the Constitution of Terengganu (Second Part) it is provided that we may amend inter alia, the provision affecting the succession to the Throne and the position of the Malay Customary Dignitaries; the appointment and attributes of an heir, or heirs to the Throne, of the Consort of Sultan or of the Regent or Members of the Council of Regency of the State; and the appointment and attributes of Malay customary dignitaries, Juma'ah Pangkuan Negeri and of members of the Council of Religion and Malay Customs or similar bodies, by Proclamation issued by Us with the consent and concurrence of Dewan Pangkuan Diraja:

AND WHEREAS, WE deem it expedient at this time to declare and ordain an amendment to certain provisions of the Laws of Constitution of Terengganu (Second Part):

NOW, THEREFORE, WE by the rights and powers of OUR Prerogative as Sultan and Sovereign Ruler of the State of Terengganu Darul Iman after consultation with the Dewan Pangkuan DiRaja, DO HEREBY DECLARE AND ORDER in OUR name, and OUR behalf as hereinafter follows:

#### Citation and Commencement

1. This Proclamation maybe cited as the Constitution of Terengganu (Second Part) (Amendment) 2011 and shall come into force on **10 April 2011**.

#### Amendment of Article III

2. The Constitution of Terengganu (Second Part), which is referred to as 'the principal Laws', is amended by substituting for the words 'the Supporters of the State' in Article III clause (1) paragraph (vi) with the words 'Council of the Terengganu Royal Court'.

#### Deletion of Article XIIA

3. Article XIIA of the principal Laws is deleted.

#### Amendment of Article XVI

4. Article XVI of the principal Laws is amended by deleting the word '12A(2)'.

امين،  
دفتر بوات د  
هجره سره  
اقريل تاهوا

NU

erengganu

WISE be to  
ce of Allah  
pon all his

N MIZAN  
ia (D.K.T),  
Yang Maha  
ota Negara  
Yang Amat  
Yang Amat  
: Dihormati  
s]), Darjah  
t Mahkota  
erak (D.K.

**Amendment of Article XVIA**

5. Article XVIA of the principal Laws is amended –
- (a) in Clause (1), by deleting paragraph (d);
  - (b) in Clause (4), by deleting the words 'or in the event of His ceasing to exercise the functions of Sultan by virtue of Clause (1) of Article XIIA of this Law; and
  - (c) in Clause (5), by deleting the words 'or upon the cessation of the circumstances referred to in Clause (1) of Article XIIA of this Law'.

**Amendment of Article XIX**

6. Article XIX of the principal Laws is amended by –
- (a) in Clause (1), by substituting for the words 'the Supporters of the State' with the words 'the Council of the Terengganu Royal Court';
  - (b) by substituting Clause (2) with the following:
    - (2) The Dewan Pangkuan Diraja Terengganu shall consist of the following members:
      - (a) Waris ganti appointed under paragraph (a) of Clause (1) of Article XVII who shall also be the President;
      - (b) a Deputy President who shall be of the Malay race and professes the religion of Islam; and
      - (c) eleven other persons who shall be of the Malay race and profess religion of Islam."

**Amendment of Article XXIIIA**

7. The principal Laws is amended by substituting Article XXIIIA with following:
- 'XXIIIA. (1) The Sultan may appoint any one members of the Dewan Pangkuan DiRaja Terengganu as a Secretary of the Dewan Pangkuan DiRaja for such period as may be determined by the Sultan.'
- (2) The Secretary of the Dewan Pangkuan DiRaja shall at all times subject to the command of the Sultan and shall perform his duties as may be recorded in the minutes of energy meeting which has been approved by the Dewan.'

**Amendment of Article XXIIIB**

8. Article XXIIIB of the principal Laws is amended by substituting Clause (1) with the following:



(1) The meeting of the Dewan Pangkuan DiRaja Terengganu shall be presided by the Sultan and in His absence by the President and in the absence of the President, by the vice-President and where the Sultan or the President or the vice-President are unable to preside, the Sultan may appoint any one of the members of the Dewan Pangkuan DiRaja Terengganu to preside and if such appointment is not made by the Sultan then the members shall choose one from among themselves to preside.

Provided that when the business of the Dewan Pangkuan DiRaja Terengganu concerns the choice and appointment of a Sultan, the Waris Ganti shall not attend and preside."

#### **New Articles XXIII<sup>A</sup> and XXIII<sup>B</sup>**

9. The principal Laws is amended by inserting after Article XXIII<sup>B</sup> the following new Articles:

#### **'Sultan may act in opposition**

XXIII<sup>A</sup>. The Sultan may in His absolute discretion act in opposition to the advice or opinion given to His Highness by members of the Dewan Pangkuan DiRaja Terengganu if in any case, it shall in His judgment be right so to do, but in any such case, any member of the Dewan Pangkuan DiRaja shall have the right to require that his advice or opinion and the reason for his advice or opinion be recorded in the minutes of the meeting.

#### **Minutes of Meeting**

XXIII<sup>B</sup>. (1) The Secretary shall keep all records and minutes of all the proceedings of the meetings of the Dewan Pangkuan DiRaja Terengganu.

(2) At every meeting of the Dewan Pangkuan DiRaja Terengganu the minutes of the last proceeding meetings shall be confirmed with or without amendment as the case may require before proceeding to dispatch of any other business.

(3) Where a meeting of the Dewan Pangkuan DiRaja Terengganu is presided other than by the Sultan –

(a) the Secretary of the Dewan or any member of the Dewan who is presiding the meeting shall, within reasonable period, submit the minutes of the meeting to the Sultan; and

(b) no decision recorded in the minutes of the meeting shall be acted upon unless the Sultan has given His consent in writing provided that His decision is not required if the decision relates to matters provided for in Article VI of this Law.'

ceasing to  
Article XIIA

ion of the  
is Law'

f the State'

sist of the

ause (1) of

/ race and

y race and

XIIIA with

n Pangkuan  
ja for such

at all times  
ies as may  
proved by

Clause (1)

MAY ALLAH, God of the Universe, through the Greatness of our Prophet, grant His blessings to this Laws of The Constitution of Terengganu (Second Part) (Amendment) Proclamation 2011 forever and ever.

Amen: O God of the Universe

Given at Our Istana Badariah, Kuala Terengganu this 6 day of Jamadil Awal the year of Hijrah, 1432 corresponding of 10 April 2011.

By His Royal Highness's Command,

*Secretary,  
Dewan Pangkuan Diraja  
Terengganu*

Hak Cipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN KUALA TERENGGANU  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA